

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 9 RABU 1 MACH, 1967.

1386 رابو 19 ذوالقعدة PERCHUMA



Y.B. PG. DATO HJ. YUSOF

PAPAN NOMBOR BAGI RUMAH2 DI-KAMPONG AYER

BANDAR BRUNEI. — Perumahan di-Kampung Ayer tidak lama lagi akan dapat dikenal dengan ada-nya papan nombor yang di-lekatkan kepada rumah2 bagi kemudahan menjalankan kerja2 kesehatan, penghapusan malaria dan lain2 perkhidmatan kerajaan, di-masa depan.

Kampung Ayer telah tidak termasuk dalam garis pengkajian segi kedudukan-nya, apabila berlaku-nya penyakit malaria di-negeri ini. Ini ia-lah disebabkan kawasan itu telah di-chatatkan sa-bagai kawasan bukan malaria.

Ada-lah di-anggarkan, penduduk di-Kampung Ayer berjumlah 20,000 orang dan kerja2 yang meliputi ka-atas 2,000 buah rumah dalam 36 buah kampung2 kecil di-kawasan itu, akan di-jalankan oleh kaki tangan Projek Penghapusan Malaria, bersama pehak kesehatan dan pejabat daerah Brunei.

Di-samping meletakkan nombor kepada sa-tiap rumah, pemereksaan dan pengkajian juga meliputi penyediaan kawasan2

(Lihat muka 8)

MAJLIS MERAIKAN AHLI2 PGGMB YANG DAPAT BINTANG2 KEBESARAN

BANDAR BRUNEI. — 16 orang ahli2 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei termasuk Yang Amat Berhormat, Dato Seri Paduka Marsal bin Maun, Menteri Besar Brunei dan Yang Berhormat Pgn. Dato Seri Paduka Haji Md. Yusuf, Setia Usaha Kerajaan telah di-raikan dalam satu majlis tahniah pengurniaan bintang2 kebesaran yang di-kurniakan kepada mereka oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Majlis tahniah dan keshukoran itu telah di-anjorkan oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei dan telah di-langsungkan di-Dewan Bangunan persekutuan tersebut pada malam 24 Februari yang lalu.

Antara yang di-raikan itu termasuk-lah juga Yang Berhormat Penolong Menteri Pelajaran, Orang Kaya Pekerma Dewa Lukan bin Uking dan Pengarah Pelajaran, Dato Paduka Malcolm MacInnes.

Majlis itu telah di-hadhiri oleh kira2 500 orang ahli2 PGGMB dan jemputan2 khas, termasuk Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Penolong2 Menteri, Pegawai2 Kanan Kerajaan dan orang2 kenamaan.

Dalam ucapan bagi mewakili ahli2 yang di-raikan itu, Dato Seri Paduka Marsal telah menyatakan tentang latar belakang mengapa beliau di-lantek sa-bagai wakil ahli2 yang di-raikan itu.

Dato Seri Paduka Marsal menyatakan bahawa beliau ada-lah salah sa-orang bekas guru yang berkhidmat agak lama juga dan telah menjadi ahli PGGMB sa-chara terus menerus dan masa ini menjadi penasehat persekutuan tersebut.

Beliau berkata, "Saya telah berkhidmat di-Jabatan Pelajaran sa-lama kira2 31 tahun dan sa-lama 8 tahun berkhidmat dilain2 jabatan Kerajaan".



Y.A.B. DATO MARSAI

Bagi pehak yang di-raikan, beliau mengucapkan terima kasih atas penghargaan persekutuan itu yang bukan hanya tertumpu kepada ahli2-nya sahaja, bahkan juga pegawai2 pelajaran yang lain seperti Penolong Menteri Pelajaran dan Pengarah Pelajaran.

Beliau mensifatkan penghargaan itu sa-bagai satu bakti yang menunjukkan ada-nya perpaduan yang ketat di-kalangan guru2 dan pegawai2 pelajaran, terutama dalam memberi pendidekan kepada anak bangsa kita.

Dato Seri Paduka Marsal berharap supaya perasaan seperti itu akan sentiasa berlanjutan dan akan dapat di-churahkan kepada ra'ayat di-negeri ini.

"Guru ada-lah penting bagi memperjuang dan memberi ilmu kepada anak bangsa kita dan sudah sa-mesti-nya-lah mereka itu menumpukan perhatian dalam jurusan tersebut bagi

kepentingan keturunan yang akan datang", tegas beliau.

Pengarah Pelajaran, Dato Paduka MacInnes yang juga sa-bagai wakil yang di-raikan telah mengucapkan terima kasih atas usaha PGGMB bagi mengadakan majlis tahniah dan keshukoran itu.

Kapada ahli2 PGGMB yang di-anugerahkan bintang2 kebesaran dan kebaktian terhadap negara itu, Dato MacInnes mengucapkan tahniah dan mengharapkan supaya jasa2 mereka itu akan dapat di-churahkan terus menerus.

Mengenai pegawai2 pelajaran yang mendapat anugerah bintang2 kebesaran dari Duli Yang Maha Mulia, Dato MacInnes berkata:

"Kami sedar bahawa pengurniaan itu di-beri kepada kami ada-lah berhubung rapat dengan kerjasama2 yang telah di-berikan kepada kami".

Terdahulu dari itu, Yang Di-Pertua Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, Awang Suni bin Haji Idris menyatakan bahawa mereka yang di-raikan itu ada-lah bagi mengenang jasa2 yang berharga yang telah di-berikan mereka terhadap bangsa, tanah ayer dan alam pendidekan.

Jasa2 mereka itu, tegas beliau, bukan hanya di-sanjong tinggi bahkan juga akan menjadi suatu kenang2an yang abadi kepada jenerasi yang akan datang.

Sa-terus-nya Awang Suni berharap mereka itu akan terus berjuang dan berbakti kepada ibu pertiwi.

Dalam majlis tersebut, dua orang antara ahli2 yang di-raikan ia-itu Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali dan Awang Nordin bin Abdul Latif

(Lihat muka 8)

Keputusan Peperiksaan Kelas2 Dewasa Pelajaran Rendah

(Sambongan minggu lalu)

BANDAR BRUNEI — Dalam keluaran minggu lepas telah di-siarkan nama penuntut2 yang berjaya dalam peperiksaan bagi Kelas2 Dewasa Pelajaran Rendah tahun lepas bagi bahagian Brunei II dan sa-bahagian keputusan bagi Daerah Tutong dalam tingkatan permulaan.

Keputusan sa-lanjut-nya bagi tingkatan permulaan bahagian Tutong itu ada-lah seperti berikut: —

SEKOLAH MELAYU SINAUT: Nafsiah bte. Ya'akub, Rosnah bte. Ahmad, Sarah bte. Ahmad.

SEKOLAH MELAYU SUPON: Beran b. Geliga, Alau b. Lima.

SEKOLAH MELAYU SINAUT: Abang b. Tinggal, Pudim b. Kamis, Shaerah bte. Haji Tengah.

KAMPOK RAMBAI: Saing bte. Akun, Lisa bte. Yampil, Kasah bte. Yampil.

SEKOLAH MELAYU PGN. KESUMA NEGARA: Ismail b. Abu Bakar, Lamit b. Tusin, Johari b. Abu Bakar, Adas b. Abd. Kahar, Othman b. Aman.

SEKOLAH MELAYU BAKIAU: Seliah bte. Arshad, Pitah bte. Abang.

BANGUNAN SEMENTARA KAMPONG SENGKARAI: Noralam bte. Metamit, Zauyah bte. Ahmad, Noralam bte. Md. Tarif, Sarbanun bte. Ghani.

SEKOLAH MELAYU BATANG MITUS: Siti bte. Pagar, Musim bte. Binting, Awg. Tawi b. Ajang, Awg. Lidam b. Rentong.

SEKOLAH MELAYU ABD. RASHID TANJONG MAYA: Gunti (Jamaliah) bte. Jeneh, Maya bte. Kamis, Masnah bte. Arshad, Rafiah bte. Sulaiman, Silin bte. Bakit, Saleha (Sari) bte. OKPI Layeh, Safiah bte. Serudin, Maimunah bte. Othman.

SEKOLAH MELAYU ABD. RASHID TANJONG MAYA: Jaya b. Dullah, Yahya b. Penyurat Pali, Ibrahim b. Kudeh.

SEKOLAH MELAYU PENANJONG: Safiah bte. Jambol, Kalas bte. Idris, Safiah bte. Ibrahim, Kamariah bte. Lingah.

SEKOLAH MELAYU LAMUNIN: Pulut b. Kubu, Sarinah bte. Ja'afar, Adiah bte. Ismail, Terang Bulan bte. Yampil.

SEKOLAH MELAYU KIUDANG: Armah bte. Karim.

SEKOLAH MELAYU PANCHONG: Hasnah bte. Badar, Kapal b. Jambu, Kilat b. Ampang, Nafseh b. Luar.

KAMPONG RAMBAI: Thomas b. Harun.

BAHAGIAN TEMBURONG TINGKATAN PERMULAAN

SEKOLAH MELAYU BIANG: Badas b. Kamarudin, Ludin b. O.K. Ali, Ya'akub b. Aji.

SEKOLAH MELAYU BELAIS: Dy. Murah bte. Ja'afar, Dy. Murni bte. Tuah, Dy. Laisah bte. Sidek, Dy. Norsiah bte. Hj. Adol, Dy. Hamsah bte. Hj. Adol.

SEKOLAH MELAYU BELINGOS: Piah bte. Metusin, Rahmat bte. Budin, Baras bte. Udan.

TINGKATAN MENENGAH

SEKOLAH MELAYU BELAIS: Dy. Jambi bte. Dagang.

SEKOLAH MELAYU BIANG: Belad bte. Sia, Dy. Mayang bte. Tong, Awg. Etom b. Batong, Dy. Timbang bte. Balan, Awg. Sabtu b. Metusin.

SEKOLAH MELAYU BELINGOS: Nauyah bte. Metusin, Nisbah

bte. Hj. Ahad, Riman bte. Husain, Mariam bte. A. Hamid.

BAHAGIAN BELAIT TINGKATAN PERMULAAN

KELAS DEWASA RUMAH PANJANG KG. MENDARAM KECIL MUKIM LABI: Lumbe Anak Usit, Sawing Anak Kuzam, Sunting Anak Salleh.

SEKOLAH MELAYU MUHD. ALAM SERIA: Halimah bte. Lehie, Kamsiah bte. Yassin, Sariraya bte. Wahab, Ani bte. Johari, Aisah bte. Ahmad.

TINGKATAN TERTINGGI

KAMPONG RAMBAI: Likap bin Litoh, Teo Jock Lin, Nyambong b. Rayun, Edin b. Harun.

SEKOLAH MELAYU PANCHONG: Bauk b. Dua, Gunong b. Jambu, Loh Koh Yun, Untong b. Madah, Zaimah b. Sanai.

SEKOLAH MELAYU KIUDANG: Asmah bte. Kumpoh, Aminah bte. Siok, Damit bte. Inja, Maisarimah bte. Inja.

SEKOLAH MELAYU PENANJONG: Bani bte. Jumat, Nalam bte. Nuddin, Mastura bte. Suhut, Zamrud bte. Md. Yusof, Zainab bte. Tahir.

BANGUNAN SEMENTARA KAMPONG SENGKARAI: Rosnah bte. Md. Taip, Nauyah bte. Md. Yassin, Saharah bte. Taha, Md. Zain b. Laila, Bakar b. Safar.

(Lihat muka 6)

Pengetua Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaluddin telah menyampaikan bantuan wang dari Kerajaan sa-banyak lebeh dari \$4,500.00 kepada jawatankuasa pembena-

an Masjid Kg. Lumapas dalam bulan Februari yang lalu.

Bantuan itu ia-lah bagi menolong menyiapkan pembenaan masjid tersebut yang telah ter-bangkalai pembenaan-nya dalam beberapa bulan.

Gambar bawah kelihatan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaluddin bergambar ramai di-depan masjid lama Lumapas sa-lepas upacara menyampaikan bantuan tersebut.—Gambar BPUI.



Falsafah kebebasan dalam Islam

Sa-suatu tuduhan yang burok sering di-limparkan oleh sa-suilongan orang kepada sa-seorang atau sa-suatu perkara jika orang itu tidak memperdalamkan pengertian atau fahaman-nya mengenai orang atau sa-suatu perkara yang di-tuduh-nya.

Bagitu-lah hal-nya tuduhan2 yang di-limparkan kepada Islam, ugama suci yang di-turunkan Allah. Tudohan2 atau chemohan2 terhadap Islam itu timbul sama ada kerana kurang-nya pengertian atau sengaja untok memburok2kan Islam. Sebab itu bagi kita umat Islam sayugia-lah memperdalamkan pengertian kita terhadap ugama kita, supaya jangan sampai kita sendiri yang memburok2kan Islam.

Jalan yang sa-baik2-nya k arah tujuan tersebut ia-lah dengan menyikap "HAKIKAT2 ISLAM". Kerana kurang pengertian tentang hakikat2 Islam yang sa-benar in-lah seringkali menimbulkan ke-keliruan, kemudian timbul-lah tuduhan2 liar terhadap Islam.

ANTARA PROBLEM2 MASHARAKAT DEWASA INI

Kalau kita tinjau masharakat2 dunia dewasa ini maka pada umum-nya akan bersualah kita berbagai2 problem (masalah) terutama-nya problem2:

- Mengenai akhlak
- Mengenai kekeluarga'an
- Mengenai perbezaan warna kulit
- Mengenai anti Tuhan (Atheisme).

Saya akan chuba menentoh — walau pun sa-chara singkat — mengenai falsafah kebebasan dalam Islam yang ada kaitan-nya dengan problem2 tersebut. Sa-belum saya mengupas lebeh lanjut tentang problem2 di-atas ingin saya menarek perhatian bahawa ada-lah menjadi suatu kenyataan:

Kebebasan atau perkara yang hak tidak akan menjadi atau bertukar kepada perkara yang salah jika ada manusia2 yang tidak mahu mengikut kebenaran. Saperti juga kita tidak dapat menudoh Shari'at Isa menghalalkan zina atau judi jika hal itu merata di-dunia Masehi walau pun di-bawah perhatian negara dan Gereja2 sendiri. Bagitu-lah juga hal-nya tidak-lah dapat kita menudoh Shari'at Mohammad menghalalkan keruntohan2 moral dan masharakat kalau-lah hal itu di-sebabkan ada-nya kelemahan2 orang2 Islam sendiri.

Islam memandang bahawa pemikiran yang waras ada-lah di-jadikan kuasa tertinggi untok memaham nas2 (keterangan2) dan pentafsiran-nya. Dalam Islam tidak ada nas2

Umat Islam sa-harus-nya mengetahui tentang pengertian kebebasan yang di-kehendaki dalam Islam. Kekeliruan sering kali timbul yang kemudian-nya menimbulkan pula tuduhan2 yang liar terhadap Islam. Hal ini terjadi ada-lah di-sebabkan kurang-nya pengertian tentang "Hakikat2 Islam" yang sa-benar.

Mulai keluaran minggu ini di-siarkan satu renchana yang bertajok "Falsafah kebebasan dalam Islam" yang di-tulis oleh Awang Abdul Hamid bin Bakal, M.A. (Azhar). Renchana ini akan di-siarkan bersambung2 sa-hingga tamat.

kabur dan rahsia yang tidak dapat di-fikir dan di-fahaman oleh pemikiran manusia, malahan sa-tiap nas yang di-rasakan ada pertentangan boleh di-ta'wilkan menurut lojik.

Dalam usaha kita mengkaji dan mempelajari sa-tiap problem masharakat dan membentangkan pendapat2 Islam dalam menghuraikan persoalan2 masharakat itu sa-benar-nya ada-lah berdasarkan akal dan pemikiran yang tidak berlawanan dengan lojik dan kebenaran.

PROBLEM2 MASHARAKAT

Sa-benar-nya problem masharakat timbul dari pertentangan yang tidak putus2-nya antara keinginan dan kehendak persaorangan dan di-antara keinginan dan kehendak masharakat. Sa-seorang itu merasakan diri-nya bebas mengisi keinginan-nya pada hal keinginan itu berlawanan dengan keinginan masharakat di-mana dia hidup.

Memang benar masharakat ada-lah terdiri dari orang2 perseorangan, mengapakah terjadi pertentangan antara kehendak2 perseorangan dengan kehendak2 masharakat, bukan-kah ini berarti di-sana ada dua keinginan dan kehendak yang berlainan?

Sa-benar-nya orang perseorangan (individu) mempunyai dua keinginan:

1. Keinginan GHARIZAH (keinginan instinct), keinginan sa-mula jadi yang ada pada diri-nya dalam perjuangan dan persaingan-nya untok hidup dan berjaya dalam hidup.
2. Keinginan dan kehendak akal. Sa-benar-nya akal di-jadikan untok mengendali dan mengatur kehendak gharizah (instinct) supaya dalam tindakan-nya untok memenohkan keinginan sa-mula jadi tadi tidak sampai orang perseorangan itu tergelinchr dari batas2 yang tertentu.

Tetapi akal tidak sa-lama-nya berjaya dalam usaha-nya mengendalikan keinginan sa-mula jadi. Kerana keinginan sa-mula jadi, dari mula telah di-jadikan sempurna dengan segala kekuatan, dan sama di-antara sa-tiap orang persaorangan. Sedangkan akal terpaksa-lah mengikut proses



AWG. ABD. HAMID BIN BAKAL

perkembangan kesempurnaannya menerusi pengalaman2 yang di-lalui-nya.

Kerana itu-lah timbul perbezaan antara akal orang2 perseorangan dan malah antara akal dan pemikiran angkatan baru dan angkatan lama, maka di-sini-lah perlu-nya wahyu dari langit untok mengendalikan manusia.

Oleh kerana kemanusiaan dalam sejarah permulaan-nya belum mempunyai persediaan yang sempurna — dari segi akal dan pengalaman-nya — untok mengenal benar dan salah, untok mengetahui jalan kebaikan atau tidak dengan sepenoh2-nya, di-datangkan-lah Rasul2 satu demi satu untok memimpin kemanusiaan. Tetapi apabila akal kemanusiaan telah sempurna menurut proses perkembangan kesempurnaannya di-mana dapat-lah manusia berpegang kepada akal-nya untok mengenal kebenaran dan kebaikan, maka Tuhan menurunkan "kitab-nya yang terakhir — al-Kuraan" dan telah meletakkan akal dan fikiran sa-bagai mempunyai kuasa yang penoh untok mengetahui hikmat2 dari apa yang di-tentukan Wahyu untok berjalan di-atas dasar kebenaran. Kekuasaan akal ada-lah mutlak dan penoh untok memahami dari sa-kechil2 perkara hinggan-ya sa-besar2 perkara malah yang ada perkaitan-nya dengan ka-Tuhanan.

Dalam memperkatakan kebebasan dan pengertian-nya dalam Islam, di-sana ada tiga kenyataan atau hakikat yang

tidak harus di-lupakan:

1. Kebebasan perseorangan ada-lah hak sa-mula jadi dan lazim (essential). Sa-chara praktik-nya manusia dan haiwan di-jadikan Tuhan bebas untok bernafas, bebas untok memandang, bebas untok menggerakkan tangan dan kaki untok menchari rezki, dan bebas berfikir tanpa sebarang halangan.


Ada-lah menjadi suatu kebijaksanaan Tuhan memberikan kebebasan2 ini untok manusia kerana menghalang kebebasan2 tersebut ada-lah berlawanan dengan hidup-nya, berlawanan dengan Pengertian "ibadat" kerana mana manusia di-jadikan dan berlawanan dengan surohan Tuhan kepada manusia.

2. Gharizah2 ada-lah kelengkapan sa-mula jadi yang di-bekalkan kepada sa-tiap manusia. Tanpa ada-nya gharizah2 itu manusia tidak akan berjaya dalam perjuangan dan persaingannya dengan alam tabi'at, haiwan dan sa-sama manusia sendiri. Tanpa ada-nya gharizah menchari makan, manusia akan mati kelaparan. Tanpa ada-nya gharizah menyambung keturunan, manusia akan hapus, dan begitu-lah juga hal-nya dengan gharizah2 lain saperti gharizah suka ambil tau yang membawa manusia sentiasa berusaha membungkar, mengkaji dan mendapatkan ilmu pengetahuan.

Tetapi gharizah2 yang diperlukan kepada orang perseorangan untok kebaikan diri-nya dan kebaikan masharakat ini jika di-tinggalkan bebas bagitu sahaja tanpa ada-nya bimbingan akal yang bijak tentulah akan menimbulkan bahaya dan kerusakan. Tentu-lah gharizah menchari makan akan bertukar menjadi "kelahapan", dan gharizah suka ambil tau akan bertukar menjadi menchari2 rahsia dan keburokan2 orang.

Jadi gharizah2 sa-benar-nya ada-lah kelengkapan sa-mula jadi yang harus di-pimpin jangan sampai ia-nya di-sekat sangat dan jangan pula di-biarkan bebas sa-bebas-nya tanpa sekatan2.


3. Masharakat mempunyai hak sa-mula jadi untok mengungkong kebebasan perseorangan dengan shariat kungkong itu sa-imbang dengan kehendak dan keinginan perseorangan dengan kehendak dan keinginan masharakat, atau lebeh tegas lagi sa-imbang antara kebebasan yang sa-mesti-nya bagi orang perseorangan dan hak yang sa-mesti-nya bagi masharakat. (Bersambung)



Sa-orang penuntut, Kamis bin Bandol dari Kampong Kilanas sedang di-ajar bagaimana menggunakan alat "theodolite" ia-itu satu alat mengukur sudut dan haluan. Alat ini di-gunakan sa-waktu menjalankan ukoran2 di-luar



Mengira pengukuran dengan menggunakan mesin pengira telah juga di-lateh kepada pelateh2 itu.



Awang Abdul Rahman sedang menunjukkan chara membetulkan kedudukan alat "theodolite" sa-belum menjalankan kerja2 yang memerlukan alat tersebut.



Bangunan Pusat Latehan Pegawai

Pusat Latehan

USAHA untok menchapai ka-satu taraf yang bersifat sa-bagai pegawai2 yang terlateh dan berpengalaman sedang di-jalankan oleh Jabatan Ukur Negara dengan mengadakan darjah2 latehan kapada kakitangan-nya.

Darjah2 latehan itu digelar sa-bagai Pusat Latehan Pegawai2 Ukur bagi melateh pegawai2-nya yang belum terlateh dan berpengalaman dalam bidang kerja2 yang di-buat di-jabatan itu yang meliputi kapada kerja2 di-luar dan di-dalam.


Di-pusat tersebut di-adakan dua buah kelas ia-itu kelas bahagian luar dan kelas bahagian dalam. Pada masa ini sa-ramai 12 orang pelateh2 sedang mengikuti kursus tersebut sejak awal bulan September, 1966.

Dua orang pegawai tempatan yang berpengalaman dan terlateh telah di-tugaskan sa-bagai juru2 lateh untok mengendalikan kursus tersebut. Kedua2 mereka itu ia-lah Awang Abdul Rahman bin Kahar dan Awang Mohd.

Taib bin Haji Md. Said.

Mereka itu telah menerima latehan di-Jabatan Tanah dan Ukur New Zealand sa-lama 3 tahun.

Awang Abdul Rahman ia-lah juru lateh dalam bahagian luar yang memberikan pelajaran2 tentang hal-ehwal ukur mengukur tanah yang meliputi kapada chara2 teori dan praktikal termasuk chara2 menggunakan alat2 pengukur.



Jajaan Ukur masa ini mempunyai sa-bar2 pelan atau peta. Alat tersebut i- \$35,000. Sa-buah mesin penchuchi fi- tang tidak berapa lama lagi. Gamb- Awang N. C. Peat sedang memerhati- Pegawai yang mengendalikan mesin- kerja2 menggambar peta. Pg. Abdu- kan mesin tersebut di-sharikat Ko-



Jabatan Ukor yang ada sekarang.



Awang Md. Taib sedang menunjukkan kepada pelatoh2 itu satu cara mengira keluasan dengan menggunakan alat planimeter.

Pegawai2 Ukor

Awang Taib pula ia-lah jurulatih dalam hal pekerjaan di dalam. Pelajaran2 yang di-berikan dalam bahagian ini ia-lah tentang kira mengira pengukuran, chara2 plotting pelan, menggunakan dan menjaga alat2 untuk melukis pelan

Pelatoh2 itu juga di-ajar bagaimana menggunakan alat2 planimeter yang di-gunakan bagi mengira keluasan dan alat pan-

tograph untuk membesar dan mengecilkan pelan.


Sa-belum mengajar kira mengira pengukuran, pelatoh2 itu ada-lah terlebih dahulu di-ajar satu mata pelajaran yang mustahak ia-itu Logarithm dan Trigonometry. Dalam hal kira mengira pengukuran semua-nya menggunakan Logarithm dan Trigonometry tersebut.

Kursus tersebut di-jangka mengambil masa sa-lama 6 bulan, "tetapi keterangan2 pelajaran yang di-gunakan kebanyakan-nya menggunakan Bahasa Inggeris, sedangkan pelatoh2 itu semuanya mendapat pelajaran Melayu".

"Sebab itu-lah kursus yang pertama kali yang sedang berjalan masa ini di-lanjutkan masa-nya ia-itu lebeh dari enam bulan", demikian menurut jurulatih Awg. Md. Taib.

Apabila kursus itu tamat, maka satu peperiksaan akan di-jalankan dan sijil2 akan di-berikan kepada pelatoh2 itu dan segala pelajaran yang mereka lulus akan di-chatet dalam sijil tersebut.

Selesai saja kursus tersebut, maka kursus yang kedua akan di-jalankan dalam bulan Jun. Kursus yang kedua itu nanti akan terdiri dari pegawai2 yang baru bekerja di-Jabatan Ukor dan mereka itu mempunyai kelulusan dalam Form III hingga Senior Cambridge.



alat moden bagi mengambil gambar 'microfilm Unit' yang berharga RM10,000 akan datang atas menunjukkan Pegawai Ukor, Pg. Abdul Rahman bin Pg. Alim, tersebut ketika beliau memulakan tugasnya di-Jabatan Ukor, Singapura dalam tahun lepas.

BAGI KESENANGAN PENDUDOK

RUMAH2 di-Kampung Ayer tidak lama lagi akan di-lekatkan papan2 nombor untuk memudahkan menjalankan kerja2 kesehatan penghapusan malaria dan lain2 perkhidmatan kerajaan.

Langkah itu di-buat oleh Badan Projek Penghapus Malaria bagi tujuan2 yang berfaedah yang bukan hanya terkhas bagi kepentingan pejabat2 kerajaan, bahkan juga bagi kegunaan dan kesenangan penduduk.

Saperti yang di-nyatakan oleh sa-orang juruchakap Projek Penghapus Malaria itu bahawa keterangan2 saperti itu ada-lah berfaedah bagi lain2 perkhidmatan kerajaan.

Maka dengan itu, nombor2 tersebut akan dapat juga di-gunakan oleh penduduk2 di-kawasan kampung ayer itu bagi perhubungan surat menyurat atau alamat dan dengan itu juga akan memudahkan pegawai2 Pejabat Pos menghantar surat2 yang di-alamatkan dengan menggunakan nombor2 itu nanti.

Perkhidmatan bagi 20,000 orang penduduk dalam kira2 2,000 buah rumah, bukan-lah satu kerja yang senang untuk di-lakukan kalau tidak di-sertai dengan kerjasama dari penduduk2 itu sendiri. Lebeh2 lagi jika kerja2 itu meliputi pada pemereksaan dan pengkajian.

Apabila rombongan lima orang pegawai2 Projek Penghapus Malaria yang di-sertai oleh perwakilan dari pegawai daerah dan jabatan kesehatan memulakan tugas mereka pada 1, Mach, 1967 ini, maka apa yang sangat2 di-perlukan oleh mereka itu ia-lah kerjasama dari penduduk2 kampung ayer.

Mereka akan mengadakan pertemuan dengan ketua2 kampung untuk menerangkan tujuan penyiasatan dan meminta supaya di-beri kerjasama yang chergas.

Oleh itu ada-lah menjadi satu perkara yang mustahak bagi penduduk2 di-situ memberikan kerjasama mereka, terutama dalam hal2 yang berkaitan dengan kebaikan diri mereka sendiri saperti pengawasan kesehatan, kesenangan penghidupan dan lain2 lagi yang di-usahakan oleh kerajaan.



Gambar atas menunjukkan guru2 itu bergambar ramai di-lapangan terbang Berakas sa-jurus sa-belum mereka berlepas pada 23 Februari yang lalu.

Guru2 Berlateh di-Maktab Bahasa Pantai Valley

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 10 orang guru2 tempatan termasuk 2 orang wanita telah berlepas ka-Kuala Lumpur pada hari Khamis yang lalu untuk mengikuti kursus mengajar Bahasa Melayu sa-lama sa-tahun di-Maktab Perguruan Bahasa, Pantai Valley.

Bagi guru2 lelaki rombongan itu ada-lah merupakan rombongan yang ke-dua dan julong2 kali bagi guru2 wanita. Guru2 wanita itu ia-lah Dk. Rokiah binte Pengiran Abu Bakar dan Dayang Aminah binte Abdul Rahman.

Sa-belum itu, Dk. Rokiah mengajar di-Sekolah Melayu Mohammad Alam Seria dan Dayang Aminah Abdul Rahman mengajar di-Sekolah Ting-

gi Perempuan Raja Isteri.

Guru2 lelaki tersebut ia-lah Awang Ibrahim bin Mohammad, Awang Yahya bin Haji Ghafar, Awang Abdul Hamid bin Arshad, Awangku Samsu bin Pg. Hj. Kadar, Md. Daud bin Taha, A. Aliakbar bin Ibrahim, Awang Abdul Hamid bin Jeludin dan Awangku Tajuddin bin P. Bustamam.

Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Awang Hamdani bin H. A. Rahman menyatakan bahawa kali pertama guru2 Melayu di-lateh di-Maktab Perguruan Bahasa itu ia-lah dalam tahun 1966 yang mengandongi sa-ramai 8 orang.

Sa-jauh ini, guru2 Melayu Brunei bukan hanya di-beri kursus mengajar Bahasa Melayu di-maktab tersebut, bahkan juga ada yang di-hantar berlateh di-Universiti Malaya untuk kejian yang mendalam dalam Bahasa Melayu.

Kali pertama guru2 Melayu Brunei di-hantar ka-Universiti Malaya itu ia-lah dalam tahun 1965 yang mengandongi sa-ramai 6 orang dan kali kedua dalam tahun 1966 sa-ramai 6 orang juga.

Awang Hamdani menjelaskan bahawa latehan di-Universiti itu akan di-teruskan dalam tahun 1967 ini apabila 6 orang guru2 lagi akan berlepas kasana dalam penghujung bulan Mach ini.

Jawatan2 Kosong: SEBAGAI MERINYU UGAMA

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian bagi memenohi jawatan sebagai Merinyu di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mereka mesti-lah: —

- Bangsa Melayu ber-ugama Islam;
- Berumur di-antara 20 hingga 35 tahun;
- Hendak-lah mengetahui ilmu dan rukun2 Ugama;
- Lulus sekurang2-nya darjah V Sekolah Melayu;
- Satu pepereksaan mengenai pengetahuan Hal Ehwal Ugama Islam akan di-adakan.
- Orang yang di-perchayai mempunyai pengalaman dalam lapangan ini akan

lebih di-utamakan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E.3 - \$280x10 - 330. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada Pegawai2 Kerajaan yang berjawatan tetap untuk memenohi satu jawatan sebagai Juru Trengkas Melayu di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji: Dalam sukatan gaji D.3 EB 4 - \$380x20 - 480/EB /500x20 - 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 8hb. Mach, 1967.

SEBAGAI JURU TRENGKAS MELAYU

Hanya mereka yang mempunyai kelayakan2 yang tersebut di-bawah ini di-kehendaki memohon: —

Pemohon2 mesti-lah boleh menulis trengkas selaju 80 perkataan sa-minit dan boleh menaip sekurang2-nya 40 perkataan dalam saminit.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat

Keputusan kelas dewasa

(Dari muka 2)

SEKOLAH MELAYU KIUDANG: Marak b. Hidup.

SEKOLAH MELAYU BAKIAU: Abit b. Md. Noor, Fatimah bte. Bungsu, Siti Minah bte. Md. Noor, Sarimah bte. Md. Noor, Masnah bte. Bahari, Kandak b. Ajang, Telimat bte. Lapiah, Sigiah bte. Daud, Siti Hasa bte. Daud, Gimbar bte. Ajang Halimah bte. Hj. Kassim, Halimah bte. Moktal, Norzainah bte. Suhaili.

SEKOLAH MELAYU MUHD. ALAM, SERIA: Rosinah bte. Razak, Aisah bte. Gapor, Aminah bte. Tengah, Salmah bte. A. Salam, Zauyah bte. Nawi, Norhani bte. Md. Yassin, Fatimah bte. Abdullah, Hairani bte. Ya'akub, Zariah bte. Md. Yassin.

SEKOLAH MELAYU AHMAD TA-JUDDIN: Hj. Afsah bte. Hj. Omar Ali, Fatimah bte. Hj. Mohd. Noor, Dy. Salam bte. Omar Ali, Aminah bte. Nawi, Salmah bte. Abas, Masni bte. Bidin, Endon bte. Kepine, Dy. Bidin, Endon bte. Kepine, Dy. Misbah bte. Abg. Amir, Taruyah bte. Jamil, Ramlah bte. Metusin, Sa'adiyah bte. Jalil, Rubiah bte. Tajuddin, Rafiah bte. Hj. Marzuki, Aminah bte. Ahmad, S. Maliah bte. Wan Hussain, Rafiah bte. Mohammad, Hazizah bte. A. Rahman, Jamaiah bte. Yaman, Aishah bte. Karim.

SEKOLAH MELAYU AHMAD TA-JUDDIN: Tamah bte. Ladis, Dy. Soni bte. Mohd. Salleh, Aisah bte. Berudin, Asmah bte. Rimba, Murdiah bte. Sili, Hayuah bte. Razali, Maimon bte. Ahmad.

TINGKATAN MENENGAH

SEKOLAH MELAYU AHMAD TA-JUDDIN: Fatimah bte. Bakar. SEKOLAH MELAYU SUNGAI LIANG: Libau b. Limpar, Kabah b. O.K. Rimba.

SEKOLAH MELAYU MUHD. ALAM, SERIA: Badiah bte. Wahid, Badiah bte. Manan, Hadizah bte. Abg. Mustapa, Hj. Tiara bte. Jamaludin, Mahani bte. Bakar, Zaleha bte. Hamzah, Pungut bte. Muhammad.

SEKOLAH MELAYU KUALA BALAI: Jamiah bte. Hashim, Asmah bte. Gapar, Asnah bte. Gapar.

masing2 siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 8-3-1967.

SOKAN DAN OLAH-RAGA

RENTAS DESA
(Cross Country)

Perlawanan rentas desa antara Sekolah2 Melayu Negeri Brunei, Bahagian Rendah bagi tahun ke-4 akan di-adakan tidak berapa lagi. Perlawanan ini ada-lah satu daripada rancangan perlawanan tahunan yang di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran, Brunei.

Peratoran perlawanan:

Tiap2 Sekolah hanya di-benarkan mengadakan tiga pasokan sahaja seperti berikut:

- (a) Kumpulan Laki2 "A" di-lahirkan dalam tahun 1952 ka-bawah;
- (b) Kumpulan Laki2 "B" di-lahirkan dalam tahun 1953 ka-atas; dan
- (c) Kumpulan Perempuan tidak di-hadkan umur-nya.

Ramai tiap2 sa-pasokan 6 orang dan sa-orang simpanan dan tiap2 peserta di-bolehan mengambil dua bahagian ia-itu **berpasokan dan persaorangan.**

Tiap2 Daerah atau bahagian ia-itu bahagian Brunei I, Brunei II, Brunei III, Temburong, Belait, Tutong I, dan Tutong II, akan mengadakan perlawanan pemilihan untuk menjadi wakil daerah atau bahagian masing2 bagi memasuki perlawanan peringkat negeri.

Hadiah2 rebutan dalam perlawanan peringkat negeri adalah seperti berikut:

KUMPULAN LAKI2 "A":

- (a) **Berpasokan:** Piala Jabatan Pelajaran, Brunei, tahun 1966 di-menangi oleh pasokan Sekolah Melayu Ukong Bahagian Tutong II.
- (b) **Persaorangan:** Perisai Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim. Perisai itu telah di-menangi oleh Awang Sigat bin Malong dari Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar, Bahagian Temburong bagi tahun 1966.

KUMPULAN LAKI2 "B":

- (a) **Berpasokan:** Piala Shari-

Bakal Jemaah Haji Berlepas dengan Kapal Terbang

BANDAR BRUNEI. — Sapuluh orang bakal jema'ah Haji termasuk dua orang pegawai kerajaan akan berlepas dengan kapal terbang pada hari Sabtu 11 Mach, 1967, ka-Kuala Lumpur dalam perjalanan mereka ka-Mekah untuk menunaikan fardzu haji.

Rombongan bakal2 jema'ah haji itu akan berlepas dari Ibu Negara Malaysia pada hari Isnin 13 Mach dan mereka di-jadualkan tiba di-Jeddah pada hari Selasa 14 Mach.

oleh:

Md. Husain Zainal

kat Glamour dalam tahun 1966 di-menangi oleh pasokan Sekolah Melayu Pulau Beranut, Bahagian Brunei III.

- (b) **Persaorangan:** Perisai Ak. Idris bin Pengiran Kerma Indera Haji Muhammad dalam tahun 1966 telah di-menangi oleh Awang Dayang bin Md. Jair dari Sekolah Melayu Sungai Hanching, Bahagian Brunei II.

KUMPULAN PEREMPUAN:

- (a) **Berpasokan:** Perisai Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan, di-menangi oleh pasokan Sekolah Melayu Lambak, Bahagian Brunei II dalam perlawanan tahun lepas.
- (b) **Persaorangan:** Piala Awg. Md. Ali b. Awang Besar tahun 1966, di-menangi oleh Dayang Hasnah binte Haji Ahmad dari Sekolah

Melayu Lambak, Bahagian Brunei II.

Perlawanan2 pemilihan tiap2 daerah atau bahagian mula di-jalankan pada minggu ini di-adakan di-tempat2 seperti berikut:—

Bahagian Daerah Temburong: berpusat di-padang Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar, Temburong. Peserta2 berlepas dari hujung Jalan Puni dan penghabisan di-hadapan bangunan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar.

Bahagian Brunei I, Brunei II, dan Brunei III: berpusat di-padang Sekolah Selayu SMJA, Bandar Brunei dengan melalui Jalan Kumbang Pasang, Gadong, Kiarong, Kiulap, Jambatan Angas, Jalan Tutong, masuk Jalan Kumbang Pasang, dan penghabisan di-padang SMJA, Brunei.

Bahagian Belait: berpusat di-padang Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

Bahagian Tutong I: berpusat di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong.

Bahagian Tutong II: berpusat di-padang Sekolah Melayu Abd. Rashid Tanjong Maya.

Pengiran Bahar tiba di-Seoul

BANDAR BRUNEI. — Pesuruhjaya Buroh Negeri Brunei. Yang Mulia Pengiran Bahar b. Pengiran Shahbandar Anak Hashim telah tiba di-Seoul dalam lawatan sa-lama sa-minggu atas jemputan Menteri Hal-Ehwal Kesehatan dan Sosial Korea Selatan, Tuan Hi Sup Chung.

Yang Mulia Pengiran Bahar telah berlepas dari Brunei pada 22 Februari yang lalu menuju Seoul kerana berunding dengan pegawai2 Kerajaan Korea Selatan bagi syarat2 kemasokan dan pekerjaan warga negara Korea Selatan di-negeri ini.

Sa-belum berlepas, Pengiran Bahar menyatakan bahawa pemergian beliau itu ada-lah atas undangan kerajaan tersebut.

Dalam masa lawatan itu, Pengiran Bahar di-jadualkan menemui Perdana Menteri Korea Selatan dan Menteri Luar, Tuan Il Kwon Chung dan akan mengadakan rundingan dengan lain2 pegawai kerajaan Korea Selatan mengenai kemungkinan mengambil buruh Korea ka-Brunei.

Beliau juga akan mengadakan lawatan ka-kawasan2 perusahaan sa-belum meninggalkan Seoul pada 1 Mach (hari ini).



PENGRAN BAHAR

Ahli2 Persatuan Peladang Brunei akan melawat ka-Malaysia

BANDAR BRUNEI. — Saramai 30 orang ahli2 dari persatuan2 Peladang di-negeri ini akan berlepas ka-Kuala Lumpur tidak berapa lama lagi untuk memerhati kemajuan pertanian dan chara2 yang digunakan oleh peladang2 di-Malaysia.

Lawatan mereka itu ada-lah di-uruskan oleh Jabatan Pertanian Negeri Brunei dan pada masa ini sedang menunggu jawapan dari Kerajaan Malaysia mengenai dengan lawatan tersebut.

Sa-lain dari itu, beberapa orang pegawai2 pembantu pertanian akan di-pilih untuk menjalani latehan2 dalam hal-ehwal pertanian di-luar negeri.

Sementara itu, baharu2 ini sa-ramai 30 orang persatuan peladang Kampong Lumapas telah mengadakan lawatan kapusat Pertanian Kilanas setelah menamatkan kursus pertanian yang telah di-jalankan di-kampong tersebut sa-lama sa-minggu.

Dalam lawatan itu, mereka telah menyaksikan bahan2 pertanian, ternakan dan chara2 mengusahakan-nya yang telah di-tunjokkan oleh pegawai2 pertanian.

Mereka juga telah mengikuti ucapan2 nasehat dari Penolong Menteri Pertanian Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh dan pegawai2 kanan pertanian.

Jabatan Pertanian juga telah meneruskan usaha-nya untuk meningkatkan darjah pertanian dengan mengadakan kursus pertanian menerusi persatuan2 peladang.

Kursus2 pertanian bagi ahli2 peladang Kampong Ratan dan Rampayoh telah di-mulakan pada 27 Februari yang lalu.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 1 Mach, 1967 hingga ka-hari Selasa 7 Mach, 1967 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Terbit
1 Mach	12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31
2 Mach	12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31
3 Mach	12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31
4 Mach	12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31
5 Mach	12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31
6 Mach	12-37	3-56	6-37	7-48	5-00	5-14	6-29
7 Mach	12-37	3-56	6-37	7-48	5-00	5-14	6-29

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Di-Chatet dalam Peta

(Dari muka 1)

kampung, menchatetkan nama2 tuan punya rumah dan keluarga mereka dan penempatan kawasan umum.

Tempat2 paip ayer, pusat2 pemadam api, kemudahan2 masok ka-rumah2 dan penempatan kawasan umum, juga akan terchatet dalam peta2 itu.

Sa-orang juruchakap Projek Penghapus Malaria menyatakan hari ini bahawa keterangan2 seperti itu ada-lah berfaedah bagi kerja2 kesihatan umum dan lain2 perkhidmatan kerajaan, bagitu juga kerja2 bagi penghapusan malaria.

Kata-nya, kerja2 pemereksaan akan di-jalankan oleh satu rombongan lima orang, dengan perwakilan dari pegawai daerah dan jabatan kesihatan.

Mereka akan bekerjasama di-bawah arahan dan pengawalan Ketua Gerakan Projek Penghapus Malaria dan kerja2 di-jadualkan di-mulakan pada 1 Mach.

Terdahulu sa-belum mereka itu menjalankan gerakan, rombongan itu akan membuat pertemuan dengan ketua2 kampung untuk menerangkan tujuan2 penyiasaan dan meminta supaya di-berikan kerjasama yang chergas.

Rombongan itu akan melawat rumah2 di-Kampung Ayer, membawa bersama2 bekalan dan peralatan yang perlu bagi penyiasaan.

Penduduk2 di-Kampung Ayer ada-lah di-minta memberikan kerjasama kepada anggota rombongan, apabila mereka membuat lawatan ka-rumah2 bagi menjayakan pemereksaan.

Pengumuman mengenai lawatan rombongan itu akan disiarkan melalui radio Brunei dalam tiga bahasa Melayu, China dan Inggeris dari satu masa ka-satu masa.



Mereka yang di-raikan

(Dari muka 1)

telah tidak dapat hadir, kerana sa-suatu sebab yang tidak dapat di-elakkan.

Majlis keshukoran dan tahniah itu juga telah di-serikan dengan persembahan2 tari2an dan nyanyian.

Mereka yang di-raikan itu ialah Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun, S.P.M.B., D.S.N.B., P.O.A.S.; Yang Mulia Pgn. Dato Seri Paduka Hj. Ali, S.P.M.B., D.S.N.B., P.O.A.S., Yang Berhormat Pgn. Dato Seri Paduka Hj. Md. Yusof, S.P.M.B., D.S.N.B., P.O.A.S.

Yang Berhormat Dato Paduka Hj. Md. Jamil, D.P.M.B., P.O.A.S., Yang Mulia Dato

Paduka Malcolm MacInnes, D.P.M.B., Yang Berhormat Orang Kaya Lukan bin Uking, P.O.A.S., Yang Mulia Pgn. Hj. Mumin bin Pgn. Othman, P.S.B., P.O.A.S.

Yang Mulia Awang Nordin bin Abd. Latif, S.M.B., Yang Mulia Awang Othman bin Bidin, S.M.B., Yang Mulia Awang Hashim bin Hj. Tahir, S.M.B., Yang Mulia Awang Norman Bradbury, S.L.J.

Yang Mulia Pgn. Umi binte Pgn. Idrus, P.O.A.S., Yang Mulia Awang Md. Husain bin Yusof, P.O.A.S., Yang Mulia Awang Abdi Manaf bin PHA. Bakar, P.O.A.S., Yang Mulia Awang Ahmad bin Kadi, Pingat Kebaktian, Yang Mulia Awang Abd. Hamid bin PHA. Bakar, Pingat Perjuangan.

Latehan 'Gerakan Kemunchak' menguji kewaspadaan Pulis dan Askar

BANDAR BRUNEI. — Satu latehan ketenteraman awam yang lengkap telah di-jalankan di-Bandar Brunei, Tutong dan Temburong pada hari Khamis yang lalu, oleh pasukan pulis Daerah Brunei untuk menguji kewaspadaan anggota2 pulis dalam masa dharurat.

Latehan yang di-beri nama "Gerakan Kemunchak" itu telah di-mulakan pada pukul 6-30 pagi berikutan dengan satu laporan olok2 berlaku-nya satu perjumpaan haram di-Jalan Gadong.

Semua kakitangan pulis telah di-perintahkan bersiap sedia telah bergerak dari Markas Pulis di-Bandar Brunei untuk menindas kejadian2 yang berlaku di-beberapa tempat.

Pulis juga menjalankan gerakan di-kawasan sungai dengan menghantarkan kapal2 ronda dan menempatkan pulis di-kawasan tambatan.

Sa-orang juruchakap pulis mensifatkan latehan itu sabagai berjaya.

Beliau berkata bahawa Askar Melayu Di-Raja Brunei juga telah mengambil bahagian dalam latehan itu khas-nya untuk menguji alat2 perhubungan markas mereka.

Latehan itu tamat lewat petang pada hari tersebut.

Gambar2 ini di-ambil ketika latehan itu di-jalankan.

Sharahan dan Tayangan Wayang Gambar BPUI

BANDAR BRUNEI. — Badan Penerangan Ugama Islam Brunei akan mengadakan sharahan ugama dan pertunjukan wayang gambar di-Sekolah Melayu Pintu Malim pada malam ini.

Pada 4 Mach pertunjukan dan sharahan tersebut akan diadakan di-Kampung Danau, Tutong dan di-Sekolah Melayu Tanah Jambu, Jalan Muara pada 6 Mach.

Pertunjukan dan sharahan itu juga akan diadakan di-Kampung Rampayoh, Belait pada 7 Mach, 1967.

Tiap2 pertunjukan akan diadakan pada pukul 7-30.

